

1,200 keluarga **terima bantuan raya**



Ketua Puteri Umno Bahagian Sepang, Siti Zubaidah (dua, kiri) bersama Marsom sempat membantu Imran Haziq Mazlan membeli baju raya.

BANTING - "Saya tak pernah anggap keluarga yang menerima sumbangan hari ini keluarga susah, sebaliknya mereka ini golongan terpilih," itu pendapat Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Sepang, Datuk Marsom Paing ketika program Membara Raikan Bersama Insan Terpilih anjuran Puteri Umno Bahagian Sepang.

Menurutnya, pelbagai kekangan hidup dihadapi masyarakat namun sesuatu perayaan masih mampu disambut dengan suasana sederhana.

"Apa yang penting, mereka perlu berbelanja mengikut keperluan, kawal perbelanjaan dan jangan terpengaruh dengan jualan harga runtuh.

"Tapi apa yang saya nampak, masa raya ni kadang-kadang mereka tak fikir soal mahal, mereka nak berbelanja macam orang lain," katanya kepada *Sinar Harian*.

Difahamkan, pada program kali itu, seramai 100 keluarga termasuk anak yatim, insan kurang berkemampuan dan ibu tunggal terpilih menerima bantuan raya dengan berbelanja di sebuah pasar

raya pakaian di Nilai.

Dalam pada itu, katanya, secara keseluruhannya sebanyak 1,200 keluarga terpilih untuk dibantu sepanjang Ramadan kali ini.

Beliau berkata, sebahagian penerimanya bukan dalam kalangan mereka yang pernah mendapat bantuan ini tahun lalu.

"Saya dapat tengok sendiri, ada yang pernah terima bantuan dulu sudah berjaya meningkatkan ekonomi sendiri.

"Melihat keadaan itu saya bangga... mereka sahut cabaran dan menjadi satu kejayaan apabila mereka berubah selepas dibantu," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, jumlah sasaran yang dikekalkan itu bukan bermakna statistik keluarga terpilih tidak berubah, sebaliknya bantuan diberikan sebagai sokongan kepada keluarga yang berpotensi berjaya.

"Saya gembira bila keluarga terpilih ni menghargai bantuan diberi malah, berjanji bakal membantu orang lain pula apabila mereka sudah senang," katanya.